



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

KAJI SELIDIK HALA TUJU MASYARAKAT INDIA MALAYSIA

PUTRAJAYA, 7 Mac 2024 – Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menerusi Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) sedang menjalankan satu **kaji selidik untuk memahami cabaran yang dihadapi oleh masyarakat India di Malaysia terhadap akses pendidikan yang berkualiti, peluang pekerjaan, dan program kebajikan sosial**. Tinjauan ini turut menjadi platform bagi **merancang hala tuju program pembangunan sosioekonomi dan membantu pengurusan proses peruntukan dana yang cekap** selaras dengan isu-isu utama yang dikenal pasti.

KPN mengalu-alukan penyertaan masyarakat India Malaysia untuk memberi maklum balas bagi membentuk masa depan pembangunan komuniti yang mampan. Tempoh tinjauan soal selidik ini **akan bermula pada 8 Mac 2024 (Jumaat) dan berakhir pada 18 Mac 2024 (Isnin)**.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web rasmi Kementerian Perpaduan Negara atau **hubungi pejabat MITRA di talian 03-8886 6221**.

Pautan kaji selidik adalah seperti berikut:

https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSetBOKwveCX_fv9Poo7GzfdZXS1TN8vuUyaePOyIUOhPHR7aQ/viewform?usp=sf_link

Kementerian Perpaduan Negara

7 Mac 2024

Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak, 8. Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA).

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat
b.p.: Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569
E-mel: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 ()

KAJI SELIDIK HALA TUJU MASYARAKAT INDIA MALAYSIA



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA
MALAYSIA

Kaji Selidik Hala Tuju Masyarakat India Malaysia

Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) sedang menjalankan satu kaji selidik untuk memahami cabaran dan pengalaman yang dihadapi oleh masyarakat India di Malaysia.

Bantu kami dengan **menyertai kaji selidik ini** untuk membentuk hala tuju pembangunan yang lebih mampan untuk masyarakat India di Malaysia.



Sila imbas Kod QR kaji selidik

